

**PROF. DR. ABDUL HALIM ABDUL GAFOR
TIMBALAN NAIB CABSELOR (HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4
Tarikh : 4 Disember 2024

PEKELILING AKADEMIK BIL. 44/2024

Semua Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SECARA DALAM TALIAN
ATAU HIBRID DAN PENANGGUHAN SEBARANG BENTUK PENILAIAN PADA 23 HINGGA 27
DISEMBER 2024 (ISNIN HINGGA JUMAAT)**

- **SEMPENA PERAYAAN HARI KRISMAS PADA 25 DISEMBER 2024**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bagi meraikan kepelbagaiannya latar belakang pelajar dan warga Universiti, pihak Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersetuju untuk melaksanakan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) secara dalam talian atau hibrid serta menangguhkan sebarang bentuk penilaian kepada semua pelajar terutamanya kepada pelajar yang beragama Kristian pada 23 hingga 27 Disember 2024 (Isnin hingga Jumaat) bagi membolehkan para pelajar meraikan perayaan tersebut bersama keluarga.

3. Bagi para pelajar terutamanya beragama Kristian yang menghadapi kesukaran mendapatkan tiket pulang ke kampung atau ke kampus sebelum dan selepas bercuti untuk menghadiri kuliah, disarankan dapat berbincang dengan pensyarah kursus masing-masing bagi menentukan kaedah P&P lain yang bersetujuan.

4. Pihak universiti mengingatkan para pelajar agar sentiasa berhati-hati ketika pulang ke kampung halaman dan mengelakkan diri daripada melalui dan mendiami kawasan yang mengalami masalah banjir yang merbahaya. Semoga semuanya selamat sampai ke destinasi yang dituju dan pulang kembali ke kampus kelak.

Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


'Selamat Menyambut Hari Krismas'

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5016 Faks.: +603-8921 4241 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselor

Sekian.

Yang benar,




PROFESOR DR. ABDUL HALIM ABDUL GAFOR
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.: - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
- Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
- Menjalankan Fungsi Pendaftar, UKM
- Penasihat Undang-Undang, UKM
- Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik, UKM
- Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, UKM
- Yang Dipertua, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5016 Faks.: +603-8921 4241 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

ILMU, MUTU DAN BUDI



www.ukm.my